

20 OKTOBER 2017

**Dadah dalam bungkus teh Cina**

50

DARI UTARA

JUMAAT 20 OKTOBER 2017 • SINAR HARIAN

# Dadah dalam bungkus teh Cina

Sindiket eksport syabu ke luar negara tumpas, lelaki ditahan di sebuah kondominium bersama 6.98 kg syabu

SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN - Kehidupan mewah seorang lelaki akhirnya terbongkar selepas dia ditahan sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang, tiga hari lalu.

Lelaki berusia 43 tahun itu ditahan di sebuah kondominium di Pulau Tikus di sini Selasa lalu, kira-kira jam 6.50 petang selepas polis menerima maklumat awam.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Chuah Ghee Lye berkata, suspek yang merupakan seorang peniaga menjadikan kondominium disewanya itu sebagai stor menyimpan bekalan dadah sebelum dieksport ke negara jiran.

Menurutnya, pemeriksaan di kediaman suspek berjaya menemui tiga bungkus plastik dipercayai dadah jenis syabu.

"Kesemua dadah tersebut dibungkus dengan pembalut teh Cina sebelum dibalut menggunakan kertas aluminium dan kemudiannya dibungkus dengan plastik jernih. Pemeriksaan mendapati, ketiga-



Ghee Lye (tengah) menunjukkan dadah jenis syabu dibungkus dengan pembalut teh Cina yang dirampas dari kondominium suspek.

**INFO**  
 • Dadah dianggarkan bernilai RM488,600

tiga bungkus itu mengandungi ketulan kristal disyaki dadah jenis syabu.

"Kesemuanya seberat 6.98 kilogram dan dianggarkan bernilai RM488,600 mengikut harga pasar-

an. Turut disita, barang kemas, wang tunai RM36,800, seutas jam tangan Rolex, tiga buah motosikal dan sebuah kereta jenis Volkswagen Passat," katanya kepada media semalam.

Beliau menambah, nilai keseluruhan barangan yang disita berjumlah RM294,989.

"Polis turut menyita akaun bank suspek yang sudah berkahwin itu. Siasatan awal mendapati, suspek



Ghee Lye (tengah) menunjukkan tiga buah motosikal dan sebuah kereta yang disita dari suspek. Nilai barangan yang disita berjumlah RM294,989.

menjalankan kegiatan itu sejak empat bulan lalu dan dipercayai menyewa kondominium tersebut sejak beberapa bulan lalu," katanya.

Beliau berkata, suspek tidak mempunyai rekod jenayah namun ujian saringan air kencingnya positif *methamphetamine*.

"Polis masih menyiasat sama ada individu lain terlibat dalam kegiatan ini. Kita juga menyiasat sama ada suspek merupakan ahli sindiket

pededaran dadah atau bergerak sendirian," katanya.

Menurutnya, kehidupan mewah suspek dipercayai hasil kegiatan mengeksport dadah tersebut ke negara jiran.

Menurutnya, suspek direman sehingga 23 Oktober ini untuk disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum gantung sampai mati jika sabit kesalahan.